

BAB 4

HURAIAN DEFINISI PERKATAAN MEMOTONG

4.1 Pengenalan

Bab ini akan menghuraikan makna bagi perkataan *memotong*. Untuk menghuraikan makna, baris-baris konkordans diteliti terlebih dahulu. Melalui baris-baris konkordans ini, perkataan-perkataan yang berkolokasi dengan perkataan *memotong* dikenal pasti. Seperti yang telah dijelaskan dalam bab dua dan bab tiga sebelum ini, kolokasi kata amat membantu penyusun kamus mendapatkan gambaran awal dalam meneliti dan melihat perbezaan makna, kerana perbezaan persekitaran linguistik dapat memperlihatkan makna yang berbeza.

4.2 Analisis Konkordans

Hasil daripada penelitian terhadap baris-baris konkordans (lihat Lampiran 1), penyusun

mendapat gambaran awal tentang makna perkataan *memotong* berdasarkan konteksnya. Konteks ditunjukkan melalui perkataan yang berkolokasi dengan kata kunci *memotong*. Seperti yang telah dijelaskan dalam bab satu, perkataan *memotong* merupakan kata kerja transitif aktif. Oleh itu, apabila penyusun kamus ingin menghuraikan kata kerja transitif aktif, penyusun perlu juga melihat kata kerja transitif pasif, iaitu perkataan *potong* yang menggunakan awalan *di-*. Ini adalah kerana subjek dan objek bagi kata kerja transitif aktif dan pasif adalah sama.

Walau bagaimanapun, dalam kajian ini penekanan analisis adalah terhadap kata kerja transitif aktif dengan awalan *men-*, iaitu perkataan *memotong*. Awalan *dipotong* hanya dirujuk apabila kata yang berkolokasi dengan *memotong* daripada konkadans yang dikaji kurang jelas atau sesuatu kata lebih banyak berkolokasi dengan kata kunci *dipotong*. Contoh yang jelas daripada kajian ini adalah untuk maksud mendapatkan bentuk-bentuk tertentu. Misalnya

... nenas **dipotong** kiub ...

... tomato **dipotong** memanjang ...

... bawang besar **dipotong** bulat...

Untuk maksud ini, tiada contoh daripada konkordans dengan kata kunci *memotong*. Oleh itu, konkordans *dipotong* perlu dirujuk oleh penyusun kamus.

Hasil penelitian terhadap perkataan yang berkolokasi ini, makna *memotong* dipecahkan kepada 22 makna, iaitu:

1. Untuk maksud memutuskan sesuatu kepada bahagian-bahagian yang lebih kecil, apabila *memotong* berkolokasi dengan perkataan seperti *kek, riben, tali, tali brek, pisau, parang, senjata*.
2. Untuk maksud mendapatkan bentuk-bentuk tertentu apabila *dipotong* berkolokasi dengan perkataan seperti *tomato, cili merah, nanas, bawang besar, lebar-lebar, memanjang, kiub*.
3. Untuk maksud bersunat atau berkhatan, apabila *memotong* berkolokasi dengan

perkataan seperti *kulup, tuk mudin, kulit hujung kemaluhan, budak-budak.*

4. Untuk maksud memisahkan sesuatu daripada bahagian utama, apabila *memotong* berkolokasi dengan perkataan seperti *pelebah, tanduk kambing, tangan.*
5. Untuk maksud menjadikan sesuatu lebih pendek dan kelihatan rapi, apabila *memotong* berkolokasi dengan perkataan seperti *rambut dan rumput.*
6. Untuk tujuan mendapatkan daging, apabila *memotong* berkolokasi dengan perkataan seperti *lembu, kerbau, ayam, itik.*
7. Untuk tujuan mendapatkan susu getah, apabila *memotong* berkolokasi dengan perkataan seperti, *getah, kulit pokok getah, pisau toreh.*
8. Untuk tujuan mendapatkan hasil padi yang telah masak, apabila *memotong* berkolokasi dengan perkataan seperti *padi, batang padi, penyabit, mesin.*

9. Untuk maksud membuat pakaian, apabila *memotong* berkolokasi dengan perkataan seperti *baju, pakaian*.
10. Untuk maksud menebang pokok, apabila *memotong* berkolokasi dengan perkataan seperti *pokok, kayu, kapak*.
11. Untuk maksud mendahului seseorang atau sesebuah kenderaan, apabila *memotong* berkolokasi dengan perkataan seperti *kenderaan, kereta, motosikal, bas, lori, emak, Fadhil, memandu laju, secara bahaya, dari kiri*.
12. Untuk maksud menamatkan kemudahan yang telah disalurkan, apabila *memotong* berkolokasi dengan perkataan seperti *bekalan air, elektrik, talian telefon, lampu, pihak pemaju, JBA, TNB, PKNS, lambat membayar*.
13. Untuk maksud mengurangkan gaji, peruntukan, harga, cukai atau markah daripada jumlah asalnya, apabila *memotong* berkolokasi dengan perkataan seperti *20 peratus perbelanjaan*,

bantuan, subsidi, belanjawan, peruntukan, gaji, harga, elaun, KNK, kerajaan negeri, majikan, syarikat, mata, markah.

14. Untuk maksud memotong gaji atau akaun secara automatik bagi menyelesaikan sesuatu bayaran atau hutang atau untuk menyimpan wang, apabila *memotong* berkolokasi dengan perkataan seperti *pencen, gaji bulanan, caj RM10, BSN, majikan, tabung pendidikan, bahagian pinjaman perumahan.*
15. Untuk maksud supaya bahagian tersebut tidak disiarkan atas sebab-sebab tertentu, apabila *memotong* berkolokasi dengan perkataan seperti *memadam adegan, babak, berita-berita, teks, RTM, LPFM, TV3, penyunting.*
16. Untuk maksud meringkaskan atau memendekkan waktu tayangan atau siaran, apabila *memotong* berkolokasi dengan perkataan seperti *meminda,*

paragraf, teks sastera, tulisan, penerbit buku.

17. Untuk maksud menghentikan percakapan seseorang atau mencelah percakapan seseorang, apabila *memotong* berkolokasi dengan perkataan seperti *bicara, cakap, dengan berkata, syor Salim*, atau dialog.
18. Untuk maksud meratakan atau membuang bahagian-bahagian tertentu sesebuah bukit, apabila *memotong* berkolokasi dengan perkataan seperti *bukit, cerun, Projek Lebuhraya Utara-Selatan*.
19. Untuk maksud mendahului orang atau kenderaan lain tanpa mengikut giliran, apabila *memotong* berkolokasi dengan perkataan seperti *barisan, menunggu giliran, kesalahan*.
20. Untuk maksud membatalkan nama daripada senarai, apabila *memotong* berkolokasi dengan perkataan seperti *nama*.

21. Untuk maksud menyekat peluang orang lain, apabila *memotong* berkolokasi dengan perkataan seperti *peluang*.
22. Untuk maksud persilangan garisan-garisan dalam sesuatu graf, apabila *memotong* berkolokasi dengan perkataan seperti *paksi menegak, keluk, garis*.

Dalam kajian ini, untuk menyusun urutan makna bagi kata entri yang mempunyai makna yang berbeza-beza seperti perkataan *memotong* ini, maka penyusun meletakkan urutan makna berdasarkan kebiasaan kata tersebut. Ini bererti makna yang lebih lazim diletakkan sebagai makna pertama dan yang kurang lazim diletakkan sebagai makna terakhir. Dalam kajian ini, perkataan *memotong* yang paling lazim merujuk kepada maksud memutuskan sesuatu kepada bahagian-bahagian yang lebih kecil seperti memotong kek, tali, riben dan sebagainya. Ini diikuti dengan maksud memotong sesuatu dengan menggunakan alat seperti pisau, gunting dan mesin. Bagi maksud persilangan garisan dalam graf amat kurang digunakan. Oleh itu, maksud ini diletakkan

pada kedudukan yang paling akhir dalam susunan makna.

Apabila penyusun telah membahagikan makna sesuatu kata mengikut konteksnya, maka makna tersebut akan diuraikan. Dalam kajian ini, huraian makna bagi perkataan *memotong* dibuat berdasarkan amalan yang dilakukan oleh penyusun kamus **COBUILD**.

4.3 Huraian Makna Berdasarkan COBUILD

Bahagian ini akan menerangkan amalan leksikografi seperti yang dilakukan oleh **COBUILD**, iaitu yang dikaitkan dengan struktur dan strategi huraian definisi.

4.3.1 Struktur Penghuraian Definisi

Seperti yang telah diterangkan dalam bahagian 2.3 sebelum ini, **COBUILD** menghuraikan definisi dalam bentuk perenggan. Setiap perenggan

dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian pertama dan bahagian kedua. Contohnya bagi perkataan **memotong** untuk maksud membuat pakaian, maka huraian maknanya adalah seperti yang berikut:

[Jika seseorang **memotong** baju atau pakaian], dia menggunting kain mengikut ukuran tertentu untuk membuat pakaian tertentu.

Daripada contoh di atas, huraian makna adalah dalam bentuk perenggan. Frasa di dalam kurungan siku merupakan bahagian pertama, manakala selebihnya ialah bahagian kedua.

4.3.1.1 Struktur Bahagian Pertama

Dari segi struktur, bahagian pertama huraian makna terdiri daripada:

- i. Operator,
- ii. Topik dan
- iii. Ko-teks.

i. Operator

Operator ialah unsur yang menandakan struktur sebenar sesuatu ayat. Operator yang digunakan dalam kajian ini ialah *apabila* dan *jika*. *Apabila* digunakan bagi menerangkan perbuatan-perbuatan yang lazim dilakukan oleh seseorang individu atau kebanyakan individu. Dalam kajian ini, daripada 22 huraian makna bagi perkataan *memotong*, hanya dua sahaja yang menggunakan operator *apabila*. Contohnya:

Apabila kita **memotong** sesuatu, kita memutuskannya atau membahagi-bahagikannya menjadi bahagian-bahagian yang lebih kecil atau pendek dengan menggunakan alat yang tajam ...

Daripada huraian di atas, perbuatan *memotong* untuk maksud *memutuskan* sesuatu atau *membahagi-bahagikannya* menjadi *bahagian* yang lebih kecil merupakan perbuatan yang lazim dilakukan oleh kebanyakan individu dalam kehidupan seharian mereka. Oleh itu, amat sesuai operator *apabila* digunakan.

Bagi perbuatan yang tidak lazim atau jarang dilakukan oleh kebanyakan individu, maka operator *jika* digunakan. Malahan bagi perbuatan yang memerlukan pertimbangan seseorang individu untuk melakukan sesuatu perbuatan *memotong*, maka *jika* digunakan. Begitu juga perbuatan yang membawa konotasi buruk, maka operator *jika* juga digunakan. Berdasarkan kajian ini, sebanyak 20 operator *jika* digunakan untuk menghuraikan makna. Contohnya,

[Jika seseorang **memotong** haiwan seperti lembu, kerbau, ayam atau itik,] dia mengerat leher haiwan tersebut dengan menggunakan alat yang tajam..

Huraian makna di atas menunjukkan bahawa *perbuatan memotong haiwan* hanya dilakukan oleh individu tertentu sahaja. Dan perbuatan ini tidak merupakan perbuatan yang lazim bagi kebanyakan individu.

ii. Topik

Topik merupakan perkataan yang diterangkan dalam sesebuah kamus. Biasanya kata

yang dihuraikan akan ditebalkan cetak hurufnya. Dalam kajian ini, topik yang ditebalkan cetak hurufnya ialah perkataan **memotong**. Disebabkan perkataan yang dikaji merupakan kata kerja transitif, maka topik biasanya akan diikuti oleh objek.

Bagaimanapun, berdasarkan baris konkordans yang diteliti terdapat juga topik yang boleh hadir sendirian tanpa memerlukan objek. Misalnya, dalam kajian ini perkataan *memotong getah*, *memotong padi* dan *memotong kenderaan* hadir dalam dua keadaan, iaitu dengan kehadiran objek dan tanpa kehadiran objek. Justeru bentuk seperti ini ditangani seperti yang berikut:

- Jika seseorang **memotong** atau **memotong getah**, dia ...
- Jika seseorang **memotong** atau **memotong padi**, dia ...
- Jika sesebuah kenderaan **memotong** atau **memotong** kenderaan lain ..., ia ...

Huraian makna seperti ini dapat menunjukkan kepada pengguna bahawa topik **memotong** bagi maksud *menoreh, menuai atau memintas sesebuah kenderaan* boleh hadir dalam dua bentuk, iaitu dengan kehadiran objek atau tanpa kehadiran objek. Huraian seperti ini juga menunjukkan bahawa kedua-dua bentuk ini amat kerap digunakan oleh pengguna bahasa Melayu. Ini ditunjukkan oleh konkordans, misalnya:


- a. - ... daun padi. Aku kan **memotong** ni, ...
 - ... terbongkok-bongkok **memotong** padi. ...
- b. - ... sebuah motosikal **memotong** dari sebelah kiri ...
 - ... motosikal RXZnya dan cuba **memotong** kereta Proton Saga ...

iii. Ko-teks

Selain operator dan topik, perkataan-perkataan yang hadir dalam bahagian pertama ini disebut sebagai ko-teks. Seperti yang telah diterangkan dalam 2.3.1.1(2), ko-teks boleh terdiri daripada:

- i. perkataan atau frasa seperti yang diucapkan oleh penutur,
- ii. subjek yang terdiri daripada objek hidup,
- iii. subjek yang terdiri daripada objek tak hidup, dan
- iv. campuran objek hidup dan tak hidup.

Bagaimanapun, dalam kajian ini hanya tiga jenis ko-teks sahaja yang digunakan, iaitu ko-teks yang terdiri daripada subjek yang merupakan objek hidup, subjek yang terdiri daripada objek tak hidup, dan campuran objek hidup dan tak hidup. Ini dapat dijelaskan melalui rajah di bawah.



Daripada makna yang dikelompokkan, sebanyak 15 makna yang melakukan perbuatan *memotong* terdiri daripada objek hidup, enam makna terdiri daripada objek tak hidup dan satu makna terdiri daripada campuran objek hidup dan tak hidup. Pembahagian objek yang melakukan perbuatan *memotong* ini dapat diperjelas melalui jadual di bawah.

Jadual : 7

Objek yang Melakukan Perbuatan *Memotong*

KO-TEKS		BIL.
Objek Hidup	Umum	14
	Khusus	1
Objek Tak Hidup		6
Campuran Objek Hidup dan Tak Hidup		1
JUMLAH		22

Jadual di atas jelas menunjukkan bahawa daripada baris-baris konkordans yang dikaji, perbuatan *memotong* paling kerap dilakukan oleh objek hidup, iaitu manusia.

i. Subjek yang terdiri daripada objek hidup

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, penelitian terhadap baris-baris konkordans menunjukkan bahawa subjek yang terdiri daripada objek hidup yang melakukan perbuatan *memotong* dapat dibahagikan kepada dua, iaitu manusia umum dan manusia khusus. Golongan manusia umum terdiri daripada lelaki atau wanita, manakala manusia khusus pula terdiri daripada individu-individu tertentu yang kerap kali dirujuk apabila melakukan perbuatan *memotong* tersebut. Dalam kajian ini, manusia khusus yang terlibat ialah *doktor* dan *mudin*.

Berdasarkan amalan yang dilakukan oleh penyusun kamus **COBUILD**, untuk merujuk subjek yang melakukan sesuatu perbuatan, kata ganti nama diri digunakan. Sebagaimana yang dinyatakan dalam bab dua, kata ganti nama diri digunakan kerana apabila manusia melakukan sesuatu perbuatan, mereka sering kali merujuk kepada spesis mereka sendiri berbanding spesis lain walaupun perbuatan itu

turut dilakukan oleh spesis selain manusia. Dalam kajian ini, kata ganti nama diri yang digunakan ialah *kita* dan *seseorang*. Kata ganti nama diri *kita* digunakan apabila perbuatan yang dilakukan merupakan perbuatan yang lazim dilakukan oleh kebanyakan individu serta tidak memberi konotasi negatif. Contohnya:

- a. Apabila kita **memotong** rambut, kuku, rumput dsbnya, kita ...
- b. Jika kita **memotong** percakapan seseorang, kita...

Semantara itu, bagi perbuatan atau kerja yang jarang dilakukan oleh kebanyakan individu atau hanya dilakukan oleh individu tertentu, maka kata ganti nama diri yang digunakan ialah *seseorang*. Contohnya:

- a. Jika seseorang **memotong** haiwan seperti lembu, kerbau, ayam dan itik, dia...
- b. Jika seseorang **memotong** atau **memotong** getah, dia...

Selain kata ganti nama kita dan seseorang, penamaan subjek secara terus juga dilakukan dalam kajian ini. Pemilihan sebegini dilakukan kerana perbuatan *memotong* ini hanya dilakukan oleh individu tertentu sahaja. Malahan, jika perbuatan *memotong* ini dilakukan, kerap kali individu yang sama dirujuk sebagai pelakunya. Dalam kajian ini, hanya satu makna sahaja yang menamakan subjek secara terus, iaitu untuk maksud berkhatan atau bersunat. Ko-teks yang digunakan ialah *mudin* dan *doktor*. Misalnya

Dalam agama Islam, jika *mudin* atau *doktor* ***memotong*** kulit pada hujung kemaluan seseorang, dia...

Daripada contoh tersebut, *memotong* untuk maksud *mengkhatakan* seseorang berkemungkinan besar tidak dilakukan oleh individu lain selain *mudin* dan *doktor*. Tambahan pula, kamus amat mementingkan ruang, maka pemilihan huraihan definisi sebegini diambil kira dan dirasakan lebih ekonomi. Walau bagaimanapun, disebabkan risiko

penggunaannya tinggi, maka hanya sebilang kecil makna sahaja yang ditangani seperti ini. Bentuk seperti ini berisiko tinggi kerana konvensi kamus mudah berkembang. Terdapat kemungkinan pada masa akan datang perbuatan *menyunat* atau *berkhatan* bukan sahaja dilakukan oleh mudin atau doktor, tetapi juga dilakukan oleh individu lain.

ii. Subjek yang terdiri daripada objek tak hidup

Dalam kajian ini, objek tak hidup terdiri daripada institusi dan bukan institusi. Baris-baris konkordans menunjukkan bahawa institusi yang melakukan perbuatan *memotong* antaranya ialah *kerajaan negeri, JBA, TNB, PKNS, pemaju* dan *bank*. Badan-badan ini merupakan badan yang telah diberi kuasa untuk melakukan perbuatan *memotong*. Oleh itu, kata yang digunakan dalam kajian ini untuk merujuk kepada institusi ialah *pihak tertentu*. Contohnya:

- a. Jika pihak tertentu memotong bekalan air, elektrik atau talian telefon di sesuatu tempat, ia...
- b. Jika pihak tertentu memotong gaji seseorang, sesuatu peruntukan, harga, cukai dsbnya, ia...
- c. Jika pihak tertentu memotong babak tertentu dalam sesebuah filem, drama atau bahagian tertentu dalam teks, ia...

Dalam kajian ini, sebanyak lima makna yang menggunakan kata *pihak tertentu* bagi merujuk institusi yang melakukan perbuatan *memotong*. Bagi perbuatan *memotong* yang dilakukan oleh objek yang bukan terdiri daripada institusi, kata ganti diri sesuatu digunakan. Berdasarkan kajian ini, hanya satu makna sahaja yang merujuk subjek yang bukan institusi, iaitu *garisan*. Contohnya:

Jika sesuatu garisan memotong garisan lain, keluk, bulatan dsbnya, ia...

iii. Subjek yang terdiri daripada objek hidup dan tak hidup

Baris-baris konkordans yang diteliti membuktikan bahawa terdapat perbuatan *memotong* yang dilakukan oleh objek hidup dan objek tak hidup. Misalnya, *Watson*, *Hassan*, kereta, *motosikal*, dan *Proton Wira*. Oleh itu bagi menghuraikan makna bagi perbuatan *memotong* yang dilakukan oleh objek hidup dan tak hidup, maka kedua-dua objek itu dimuatkan serentak. Bagi merujuk objek tersebut, kata ganti nama yang digunakan ialah *seseorang* dan *sesebuah kenderaan*. Misalnya:

Jika seseorang memotong atau memotong seseorang atau sesebuah kenderaan memotong atau memotong kenderaan lain yang bergerak di hadapannya dari arah yang sama, ia ...

Dalam kajian ini, hanya satu sahaja makna yang ditangani dengan cara ini.

Kesimpulannya, bahagian satu huraian makna terdiri daripada operator, topik dan ko-teks. Contoh-contoh di atas diperjelas melalui jadual berikut.

Jadual: 8

Bahagian Pertama Huraian Makna

Bahagian Pertama			
Operator	Ko-teks	Topik	Ko-teks
Jika	kita	memotong	sesuatu seperti...
Apabila	kita	memotong	kuku, rambut, rumput
Jika	mudin, doktor	memotong	kulit pada hujung kemaluan...
Jika	pihak tertentu	memotong	bekalan air...

4.3.1.2 Struktur Bahagian Kedua

Seperti yang dinyatakan dalam bab dua, struktur bahagian kedua boleh dibahagikan kepada dua kelompok, iaitu kelompok pertama dan kelompok kedua. Kelompok pertama bahagian kedua ini

biasanya dimulai oleh operator yang mengulang semula subjek yang melakukan perbuatan *memotong* melalui tautan perulangan atau tautan-tautan lain. Misalnya:

[...kita **memotong** ...]B1, kita... B2

[...seseorang **memotong** ...]B1, ia... B2

[...sesuatu pihak **memotong** ...]B1, pihak
tersebut... B2

Berdasarkan contoh di atas, subjek yang melakukan perbuatan *memotong* dalam bahagian pertama (B1) akan diulang semula dalam bahagian kedua (B2), iaitu *kita* diulang semula dengan perkataan *kita*, manakala *ia* menggantikan *seseorang* dan *pihak* tersebut menggantikan *pihak tertentu* melalui tautan perulangan. Bahagian yang paling penting dalam kelompok pertama, bahagian kedua ialah nukleus. Nukleus akan menghuraikan semula topik dengan lebih mendalam. Kelompok pertama dianggap nukleus dalam huraian makna kerana tugasnya menerangkan maksud sebenar yang didukung oleh perkataan *memotong* tersebut. Ini dapat

dijelaskan oleh jadual di bawah melalui contoh-contoh huraiann makna berikut:

- a. [Apabila kita **memotong** sesuatu],
kita membahagikan atau memutuskannya menjadi bahagian yang kecil atau pendek dengan menggunakan alat yang tajam seperti gunting, pisau atau parang.
- b. [Jika seseorang **memotong** padi], dia mengerat tangkai atau batang padi yang telah masak dengan menggunakan pisau atau mesin khas.
- c. [Jika pihak tertentu **memotong** bekalan air elektrik atau talian telefon], pihak tersebut memberhentikan bekalan tersebut pada sesuatu masa.

Jadual : 9

Bahagian Kedua Kelompok Pertama

Bahagian Pertama	Bahagian Kedua Kelompok Pertama	
	Operator	Nukleus
Apabila kita memotong sesuatu	kita	membahagikan atau memutuskannya menjadi bahagian yang kecil atau pendek...
Jika seseorang memotong padi	ia	mengerat tangkai atau batang padi yang telah masak...
Jika pihak tertentu memotong bekalan air, elektrik atau talian telefon	pihak tersebut	memberhentikan kemudahan tersebut...

Berdasarkan jadual ini, nukleus dalam kelompok pertama ini dapat membezakan makna yang didukung oleh sesuatu perkataan *memotong* berdasarkan konteks yang telah ditunjukkan oleh baris-baris konkordans. Misalnya *memotong* dengan

maksud *membahagikan* atau *memutuskannya* menjadi bahagian yang kecil atau pendek... dapat dibezakan daripada makna *memotong* dengan maksud *mengerat tangkai* atau *batang padi* yang telah *masak*.... Di sini, nukleus dapat membantu pengguna kamus memahami makna perkataan *memotong* dengan lebih jelas apabila membaca huraian makna yang tertera dalam kelompok pertama ini. Begitu juga makna-makna perkataan *memotong* yang lainnya.

Kelompok kedua pula amat berkait rapat dengan kelompok pertama, iaitu kelompok kedua ini menghuraikan kelompok pertama dengan lebih lanjut dan biasanya amat membantu dalam menjelaskan lagi makna sesuatu topik. Kelompok kedua ini dapat dijelaskan oleh jadual berikut.

Jadual : 10
Bahagian Kedua Kelompok Kedua

Kelompok Kedua	Analisis
dengan menggunakan alat yang tajam seperti gunting, pisau atau parang.	Menyenaraikan alat yang digunakan untuk memotong.
dengan menggunakan pisau tertentu atau mesin khas.	Menyenaraikan alat yang digunakan untuk memotong.
atas sebab-sebab tertentu.	Pemotongan dilakukan atas alasan tertentu.

Huraian makna seperti ini dapat menjelaskan lagi perbezaan makna bagi kata entri *memotong*.

4.3.2 Strategi Penghuraian Definisi

Seperti yang telah dijelaskan dalam 2.3.2, strategi penghuraian definisi dapat dibahagikan kepada dua, iaitu bahagian pertama dan bahagian kedua.

4.3.2.1 Bahagian Pertama Huraian Definisi

Bahagian pertama huraian definisi menunjukkan kedudukan sebenar kata entri. Dalam kajian ini, strategi yang digunakan ialah strategi pembinaan huraian definisi. Seperti yang dijelaskan dalam bahagian pertama sebelum ini, definisi yang diberikan tidak sekadar memberikan bentuk yang berlainan daripada kata entri tetapi juga memberikan makna berdasarkan konteks. Ini adalah kerana makna terhasil daripada sesuatu konteks. Untuk memilih konteks yang boleh menghasilkan makna dengan tepat, maka konsep tipikal dan bentuk keutamaan pilihan digunakan.

Daripada analisis terhadap baris-baris konkordans, kata kunci *memotong* dapat dipecahkan kepada 22 makna. Bagi membezakan antara satu makna dengan makna yang lain, maka bentuk tipikal sesuatu kata dipilih. Misalnya untuk maksud *memotong* bagi tujuan mendapatkan daging. Berdasarkan baris-baris konkordans yang

dikeluarkan daripada data korpus, antara contohnya ialah:

- Bukannya saya tidak hendak **memotong** angsa itu ...
- ... nikah kahwin hendaklah **memotong** kambing, lembu ...
- ... dia **memotong** seekor sapi ...
- ... mikraj biasanya mereka **memotong** kerbau...

Jika berdasarkan baris-baris konkordans ini, hanya angsa, kambing, lembu, sapi dan kerbau yang dipotong untuk tujuan mendapatkan dagingnya. Oleh itu, hurai makna bagi maksud mendapatkan daging adalah seperti yang berikut:

Jika seseorang **memotong** angsa, kambing, lembu, kerbau dsb, ...

Walau bagaimanapun, definisi seperti ini dikatakan terlalu terbatas. Ini adalah kerana berdasarkan hurai di atas, hanya angsa, kambing, lembu dan kerbau sahaja yang dipotong. Sedangkan

berdasarkan intuisi, bukan sahaja haiwan yang disenaraikan itu dipotong untuk mendapatkan dagingnya, tetapi haiwan lain seperti ayam, itik, arnab, burung atau rusa juga dipotong untuk tujuan yang sama. Oleh itu, huraiian makna yang lebih wajar adalah seperti yang berikut:

Jika seseorang **memotong** haiwan seperti angsa, lembu, kambing, kerbau dsb, ...

Dengan memasukkan superordinatnya, iaitu *haiwan*, huraiian makna menjadi lebih sesuai berbanding dengan menyenarai beberapa jenis haiwan sahaja. Ini menjadikan huraiian makna tidak terlalu terbatas. Bagaimanapun, huraiian makna seperti ini masih tidak membantu pengguna, khususnya pengguna yang bukan penutur jati bahasa Melayu kerana tiada bentuk tipikal bagi perkataan yang dipotong. Oleh itu, apabila menghuraikan makna bentuk tipikal perlu dimuatkan. Dalam kehidupan seharian, manusia lebih kerap memakan daging ayam berbanding kerbau dan angsa. Justeru huraiian makna yang lebih sesuai digunakan ialah:

Jika seseorang **memotong** haiwan seperti ayam, lembu, kambing dsb, dia...

Malahan, perkataan *seperti* telah membantu pengguna kamus memahami bentuk yang tipikal berbanding perkataan yang lain.

4.3.2.2 Bahagian Kedua Huraian Definisi

Bahagian kedua huraian makna adalah sama seperti konvensi leksikografi. Bahagian ini menerangkan makna sesuatu kata entri. Misalnya, bahagian kedua bagi maksud memutuskan sesuatu kepada bahagian-bahagian yang lebih kecil adalah sama seperti konvensi **Kamus Dewan**, iaitu memutuskan sesuatu dengan pisau gergaji dll....

Bagi membantu pengguna memahami sesuatu kata dengan lebih jelas dan membantu mereka menggunakan sesuatu kata dengan betul, maka ayat contoh dimuatkan selepas huraian makna. Ayat contoh ini diambil daripada data korpus. Kehadiran

ayat contoh ini dapat menunjukkan penggunaan sebenar sesuatu kata mengikut konteksnya dan juga betul dari segi tatabahasa.

4.4 Kesimpulan

Berdasarkan baris-baris konkordans yang dikaji, perkataan *memotong* dapat dipecahkan kepada 22 makna. Ini dilakukan dengan cara melihat perkataan yang berkolokasi dengan kata kunci *memotong*. Kajian ini juga dapat menunjukkan bahawa kolokasi mampu membezakan sesuatu makna dengan makna lain walaupun maknanya sangat hampir. Misalnya makna 1 dan makna 2. Makna 1 untuk maksud memutuskan sesuatu kepada bahagian-bahagian yang lebih kecil, manakala makna 2 untuk maksud mendapatkan bentuk-bentuk tertentu.

Untuk maksud 1, perkataan *memotong* berkolokasi, antaranya, dengan buah ciku, roti, timun dan ubi. Bagi maksud 2, *dipotong* berkolokasi dengan nanas, tomato dan bawang besar. Jika

diteliti konkordans maksud 1 dan 2, perkataan yang berkolokasi dengan kata kunci *memotong* dan *dipotong* adalah dalam ketagori yang sama, iaitu makanan, tetapi kehadiran perkataan *kiub*, *memanjang* dan *bulat* telah membeza makna 1 dan 2.

Dengan adanya maklumat seperti ini, maka huraian makna yang diperikan adalah seperti yang berikut:

Makna 1

Jika kita **memotong** sesuatu, kita membahagikannya atau memutuskannya menjadi bahagian-bahagian yang lebih kecil atau pendek dengan menggunakan alat yang tajam seperti pisau, gunting atau parang.

Makna 2

Jika kita **memotong** sesuatu, kita membahagikannya kepada bahagian-bahagian yang mempunyai bentuk-bentuk tertentu, atau mengeluarkan bahagian yang tidak diperlukan bagi mendapatkan bentuk yang tertentu.

Maklumat-maklumat yang diperoleh daripada baris-baris konkordans ini dan penerapan amalan leksikografi yang dilakukan oleh **COBUILD**, telah menjadikan kamus lebih mesra pengguna. Ini adalah kerana pengguna bukan sahaja mendapat makna daripada kamus yang dirujuknya, tetapi juga bentuk tipikal dan penggunaannya di dalam ayat. Malahan, melalui huraian makna seperti ini, makna yang diperikan lebih jelas jika dibanding dengan meletakkan sinonim atau memuatkan hiponim dan senarai contoh semata-mata.